

Jurnal Melayu
Bil. 17 (1) 2018

LEKSIS *BAGATON* DALAM KORPUS BAHASA MELAYU SEBAGAI SIMBOL KEINTELEKTUALAN MASYARAKAT PERIBUMI SABAH

EFFENDY YUSUFF

Universiti Pendidikan Sultan Idris
ffendyyusuff@yahoo.com.my

ANIDA SARUDIN

Universiti Pendidikan Sultan Idris
anida@fbk.upsi.edu.my

NORLIZA JAMALUDDIN

Universiti Pendidikan Sultan Idris
norliza@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengkaji fungsi leksis bahasa sukuan *bagaton* peribumi Sabah dalam korpus bahasa Melayu. Pengekalan penggunaan leksis bahasa sukuan *bagaton* berjaya memmanifestasikan adat tradisi masyarakat peribumi Sabah, khususnya masyarakat Kadazan-Dusun. Sumber data yang dimanfaatkan adalah daripada data korpus bahasa Melayu yang dibangunkan sendiri oleh penyelidik. Teks yang digunakan ialah *Bagaton* dan *Mariga* oleh Amil Jaya, *Dukanya Abadi*, *Kukui*, *Dari dalam Cermin*, dan *Debur Menerpa* oleh Azmah Nordin. Sebanyak 145 leksis bahasa sukuan telah dikenal pasti digunakan secara bersama-sama dengan bahasa Melayu dalam data korpus. Bagaimanapun, dalam artikel ini salah satu leksis yang hadir, iaitu leksis *bagaton* dipilih untuk dianalisis dengan menggunakan teori semantik ranah (*frame semantics*) yang dipelopori oleh Charles Fillmore (1982). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan berteori linguistik, khususnya semantik ranah dapat memerihalkan gelagat semantik leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu. Leksis *bagaton* hadir membawa tiga makna, iaitu bekas penyimpanan, khas dan unsur kepercayaan. Leksis *bagaton* telah bertindak sebagai lambang kekuatan ikatan kekeluargaan, kasih sayang, status kedudukan, dan nilai kepercayaan masyarakat peribumi Kadazan-Dusun. Leksis *bagaton* yang digunakan dilihat dapat menyerlahkan keintelektualan masyarakat peribumi Sabah. Menerusi leksis *bagaton*, pemikiran masyarakat Kadazan-Dusun yang berpegang teguh pada adat tradisi telah menyerlahkan lagi jati diri mereka. Dapatan juga membuktikan bahawa hujahan dalam ilmu linguistik dapat menjelaskan fungsi kewujudan dan kewajaran leksis *bagaton* dalam korpus adalah disebabkan motivasi, potensi dan reputasi leksis tersebut.

Kata kunci: *bagaton*; bahasa sukuan; korpus; leksis; semantik ranah

LEXIS BAGATON IN MALAY LANGUAGE CORPUS MANIFEST INTELECTUAL INTEGRITY SABAH ETHNIC COMMUNITY

ABSTRACT

This study is conducted to explore the lexis Bagaton and its applications among the Sabah ethnic languages found evident in Malay language corpus. The main focus of this paper is to study the preservation of lexis language which used to manifest the traditional customs of Sabah's indigenous people, especially the Kadazan-Dusun community. The data were gathered from six Malay Language novels that were basically related with the Sabah Indigenous people. The texts used would be *Bagaton* and *Mariga* by Amil Jaya and *Dukanya Abadi, Kukui, Dari Dalam Cermin, and Debur Menerpa* by Azmah Nordin. A number of 145 lexis of the ethnic language were found to be used with the Malay Language in the data. However, in this article, specific lexical *bagaton* is to be selected for the analysis that was executed using the frame semantics theory postulated by Charles Fillmore (1982). Preliminary findings have shown that a linguistics based approach in particular cognitive is able to describe the semantic lexis of the ethnic language in the Malay corpus. The present lexis has carried three meanings, which are storage containers, specials and elements of trust. Lexis *bagaton* has acted as a symbol of family bonding, compassion, position status, and trustworthiness of the Kadazan-Dusun Indigenous peoples. The lexis *bagaton* can highlight the intellectuality of Sabah ethnic languages. Through lexis *bagaton*, the thought of Kadazan-Dusun community that adheres to tradition tradition has shown their identity. The findings have also proven that arguments in linguistic knowledge can explain the functions of lexical existence and its fairness in the corpus is due to the motivation, potential and reputation of the lexis.

Keywords: *bagaton*; lexis; ethnic language; corpus data; frame semantics

PENGENALAN

Peradaban tergarap kesan kekreatifan dan daya kritis pengamal yang menjana hasil cipta, intelek, emosi, peka, yang saling berjalanan untuk membentuk sesuatu kebudayaan. Pada satu tingkat, peradaban merupakan tahap tertentu dari kebudayaan masyarakat yang telah mencapai kemajuan tertentu yang dicirikan oleh tingkat ilmu pengetahuan, teknologi dan seni. Lontaran kemajuan dan kebudayaan ini dapat diterjemahkan menerusi ungkapan dalam medium pengantar, iaitu bahasa. Siti Khariah (2007) menjelaskan bahawa kekuatan bahasa dapat membina peradaban yang dapat membentuk kewujudan sesebuah negara. Ini akan dapat menjamin kelangsungan peradaban (A. Aziz Deraman, 2006). Justeru, leluhur sesuatu tamadun bangsa tersebut dapat dilihat juga menerusi bahasa yang merupakan proses minda manusia dalam membuat tanggapan ke atas alam, usaha mentakrif dirinya, dan membentuk pandangan hidup sehingga mengangkat tahap keintelektualan pemikiran penciptanya. Pemikiran atau pandangan dunia sesuatu kelompok bangsa itu ditentukan oleh bahasanya (Sapir, 1921). Penutur bahasa membina pemahaman dalam minda berdasarkan peristiwa yang dilihat di sekeliling, dan kemudian diungkap dalam bentuk butir-butir bahasa (Slobin, 1996). Hawa Mahfuzah Rusidin

dan Zulkifley Hamid (2015) menjelaskan bahawa setiap makna dalam akal manusia dapat dicerminkan daripada pengalaman lepas yang pernah dilalui serta interaksinya dengan dunia luar. Dalam pada itu, sifat pandangan ke atas alam sekeliling itu harus diselimuti oleh nilai-nilai budaya, pegangan hidup, kesamaan dan kebolehterimaan pendukungnya. Keintelektualan akal budi dan ketamadunan bangsa diserlahkan melalui penggunaan bahasa sama ada berbentuk lisan atau pun dokumentasi. Mohd Taib (1988) menjelaskan bahasa merupakan wahana terbaik dalam mencitrakan budaya dan pemikiran suatu masyarakat hasil interpretasi terhadap alam. Abdullah (2009) pula berpandangan bahawa pengidentifikasian suatu kelompok masyarakat dapat dilihat menerusi leluhur yang sama, penuturan bahasa yang sama, kedudukan geografi yang sama, anutan agama yang sama dan budaya yang sama. Hal ini jelas membuktikan peranan bahasa yang bukan sekadar berfungsi sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat, malah menjadi ciri yang mencirikan bangsa.

Sapir (1921) dan Whorf (1956) pula menjelaskan penggunaan bahasa yang berbeza-beza memberi pengalaman realiti yang berlainan kepada penutur disebabkan perbendaharaan kata serta hukum nahu menentukan bagaimana pengguna bahasa itu harus memahami dunianya. Ini bermakna bahawa setiap masyarakat melihat dunia dari sudut pandangan masing-masing. Pandangan yang terbina secara kolektif, akhirnya membentuk pemikiran kesejagatan yang kebiasaannya mewakili identiti suatu kelompok masyarakat. Oleh yang demikian, sesuatu kelompok masyarakat atau penutur yang sama memiliki persamaan dalam mentafsir dunia mereka. Kebersamaan ini menguatkan lagi tanggapan bahawa cara pemikiran yang dipunyai oleh penutur itu bersifat sejagat. Ketinggian pemikiran menyerlahkan ketinggian akal budi ini dikongsi bersama-sama dalam melayari kehidupan. Rumusnya, fenomena ini menunjukkan bahawa wujud satu sistem atau pola berbahasa yang dapat menginterpretasikan sifat kesejagatan satu bangsa. Kebersamaan dan keintelektualan ini diwarisi dan seterusnya menyerlahkan lagi tamadun sesuatu bangsa.

Ketepatan seseorang mentakrif makna sesuatu kata dalam sesuatu kebudayaan masyarakat bukan sahaja melancarkan sesuatu hubungan yang berlaku, bahkan menunjukkan seseorang itu memahami konteks kebudayaan masyarakat tersebut. Ini disebabkan setiap kata boleh memanasifestasikan makna yang berbeza dalam konteks yang berlainan. Dalam hal tersebut, suatu makna akan kelihatan sukar untuk difahami apabila melibatkan kepercayaan atau budaya sesuatu masyarakat (Nordby, 2008). Sehubungan itu, pemahaman yang jelas tentang suatu bahasa dan budaya memudahkan seseorang memilih kata yang relevan dengan konteks yang melatari lakuan bahasa tersebut (Saidatul Nornis, 2006). Hal ini bermakna, makna yang sesuai untuk mewakili sesuatu konsep kebiasaannya hanya terungkap dengan lebih tepat menerusi bahasanya sahaja. Seterusnya, ini menggambarkan bahawa fungsi bahasa yang menunjukkan tahap ketinggian akal budi komuniti pendukung. Unsur budaya pula perlu diterjemahkan dan dianalisis untuk menggambarkan realiti penuturnya (Aini Abd Karim, 2005).

Fishman (1985) pula menjelaskan bahawa terdapat tiga hubungan bahasa dan budaya, iaitu bahasa sebagai sebahagian daripada budaya, bahasa sebagai indeks budaya dan bahasa sebagai simbol budaya. Dalam hal tersebut, ilmu linguistik boleh berperanan sebagai disiplin yang dijadikan panduan untuk membantu menyelidik perihal aspek bahasa, khususnya lexis yang bertindak sebagai perakam pemikiran yang bernilai. Sehubungan itu, ilmu semantik ialah pendekatan yang paling relevan untuk menghuraikan perilaku tersebut. Hal ini disebabkan teori semantik, iaitu salah satu cabang linguistik yang berhubung erat dengan bidang sosiologi,

antropologi, falsafah dan psikologi (Saidatul Nornis, 2007) dilihat berupaya menjelaskan dan memperincikan operasi pengaturcaraan pemikiran yang berlaku. Dalam bidang semantik kognitif, elemen pengalaman (*experientalist approach*), iaitu pengalaman lampau dan alam sekeliling diambil kira, menerangi proses pengoperasian. Menurut Lakoff (1986), pengalaman manusia dianggap sebagai (*conventionalized conceptual structure*), iaitu sebagai struktur lazim. Dengan kata lain, melalui ilmu semantik kognitif pengalaman penutur telah sedia ada dalam mental akan dapat dimanifestasikan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mendeskripsi perilaku leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan Semantik Ranah untuk melihat pemikiran berkonsepsi yang menggambarkan keintelektualan dalam masyarakat peribumi Sabah menerusi leksis.

OBJEKTIF KAJIAN

Penelitian leksis bahasa sukuan dalam data korpus bahasa Melayu dilaksanakan untuk menjelaskan bagaimanakah sebenarnya pemikiran masyarakat peribumi yang dicitrakan dalam bentuk bahasa. Justeru, untuk mencapai tujuan tersebut beberapa objektif telah dikemukakan, antaranya ialah:

- i. Menganalisis hubung kait penggunaan leksis bahasa sukuan *bagaton* dengan pemikiran masyarakat peribumi Sabah dengan menggunakan pendekatan Semantik Ranah.
- ii. Menghuraikan penggunaan leksis bahasa sukuan *bagaton* dalam data korpus bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan Semantik Ranah yang menggambarkan keintelektualan masyarakatnya.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Teks yang dianalisis ialah data korpus yang penyelidik bangukan sendiri menggunakan perisian *Antconc 3.4.3w*. Data korpus tersebut diambil daripada enam buah novel yang bercitrakan latar belakang masyarakat peribumi Sabah. Karya novel-novel itu pula ialah hasil garapan dua orang penulis yang telah mapan. Dalam menelusuri, meneroka dan menganalisis data-data korpus tersebut, penyelidik berpandukan kepada pendekatan semantik ranah. Sehubungan itu, prosedur pelaksanaan kajian dan mekanisme analisis menggunakan teori turut diketengahkan.

RASIONAL PENGGUNAAN DATA KORPUS

McEnery, Xiao dan Tono (2006) menjelaskan data korpus yang dibina sendiri berupaya membantu dalam melebarkan lagi bidang pengkajian linguistik seperti semantik, stilistik, dialektologi, psikologi, penyelidikan kebudayaan, dan pengajaran dan pembelajaran. Memanfaatkan data korpus membolehkan pengkaji melihat fenomena bahasa itu secara lebih

jasas, perinci, praktikal, dan bermakna. Sinclair (1991) pula menjelaskan data korpus merupakan koleksi teks yang terhasi secara semula jadi menandakan kepelbagaian bahasa tanpa direka-reka untuk tujuan tertentu. Data korpus merupakan koleksi yang dibina berlandaskan peraturan-peraturan tertentu; memiliki nilai kandungan yang dapat digeneralisasikan terhadap bahasanya (Hasmidar, 2006). Sementara itu, McEnery dan Wilson (2001) pula menjelaskan bahawa masalah dalam disiplin linguistik seperti semantik, sintaksis dan pragmatik dapat dideskripsikan menggunakan pendekatan kognitif dengan melihat data korpus. Menurut Rundell (1996), data korpus boleh menjadi sumber kajian bahasa yang merubah ideologi disebabkan lebih empirikal dan menunjukkan kemajuan kerana dapat memanfaatkan bidang teknologi, khususnya dalam pemprosesan maklumat yang lebih mudah, cepat dan sistematik.

Sehubungan itu, kajian ini akan memanfaatkan sumber korpus berasaskan novel-novel bahasa Melayu. Hasil penelitian awal menyelidik, didapati bahawa terdapat kecenderungan penggunaan leksis bahasa sukuan dalam novel-novel bahasa Melayu berdasarkan senarai glosari yang dibekalkan dalam setiap novel kajian. Kekerapan penggunaan leksis ini menjadikannya sesuatu yang menarik. Adakah penggunaan tersebut secara kebetulan atau diikat oleh satu sistem tertentu? Dalam hal ini, penjelasan secara linguistik diyakini dapat memerihalkan fenomena tersebut, lebih-lebih lagi penjelasan secara berteori kognitif. Sehubungan itu, novel-novel yang dipilih adalah hasil karya penulis terkenal yang telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Dua orang penulis tersebut ialah Amil Jaya yang dikenali sebagai bapa Kesusasteraan Sabah, penerima anugerah “S.E.A Write Award” pada tahun 1992, manakala Azmah Nordin pula adalah penerima anugerah “S.E.A Write Award” oleh kerajaan Thailand. Berikut adalah prosedur yang dilaksanakan untuk memperoleh data:

- i. Mengimbas bahan-bahan bertulis daripada novel yang terpilih menggunakan mesin pengimbas.
- ii. Bahan-bahan disunting dengan hanya mengambil isi penceritaan novel sahaja.
- iii. Bahan-bahan yang telah disunting disimpan dalam bentuk perisian *PDF*.
- iv. Bahan-bahan dalam bentuk *PDF* akan disalin tampal ke dalam bentuk dokumen *Word*.
- v. Bahan-bahan yang disalin dalam dokumen *word* diedit dan kemudian disimpan dalam format *TXT*.
- vi. Kemudian bahan dalam format *TXT* akan disalin ke dalam perisian *AntConc 3.4.3w*.

Berdasarkan analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat sebanyak 14945 jenis kata yang telah digunakan dalam data korpus berbanding dengan jumlah korpus sebanyak 248, 201. Daripada jumlah kata tersebut, sebanyak 145 jenis leksis bahasa sukuan yang telah digunakan, iaitu sebanyak 1395 kekerapan. Ini bermaksud bahawa sebanyak 0.56% leksis sukuan telah diguna secara bersama-sama dalam korpus bahasa Melayu. Walaupun jumlah peratus tidak menunjukkan angka yang begitu tinggi tetapi gelagat leksis tersebut begitu lincah sehingga dapat mewujudkan pola-pola tertentu. Rajah yang berikut menunjukkan taburan jumlah perkataan mengikut setiap novel dan jumlah keseluruhan.

JADUAL 1. Taburan Kekerapan Leksis Bahasa Sukuan dalam Novel-Novel yang Dikaji

Bil	Novel	Jenis-jenis Kata	Jumlah Perkataan
1	Bagaton	480	33449
2	Mariga	7433	80233
3	Dari Dalam Cermin	5339	33785
4	Debur Menerpa	5453	36915
5	Kukui	4265	28287
6	Dukanya Abadi	5397	35532
7	Jumlah Keseluruhan	14945	248201

Sementara itu, jumlah leksis bahasa sukuan yang digunakan dalam korpus yang dibina, iaitu sebanyak 145 dengan kekerapan penggunaan sebanyak 1395 kali adalah dalam bentuk taburan yang tidak seragam. Justeru, berikut ditunjukkan taburan 10 jenis leksis bahasa sukuan mengikut frekuensi yang tertinggi.

JADUAL 2. Jadual Kekerapan Leksis Bahasa Sukuan dalam Korpus Bahasa Melayu

Bil	Perkataan	*Bentuk	**Golongan Kata	Kekerapan
1	<i>bagaton</i>	Tunggal	KN	130
2	<i>lansaran</i>	Tunggal	KN	106
3	<i>mariga</i>	Tunggal	KN	42
4	<i>singkowoton</i>	Tunggal	KN	41
5	<i>gurib</i>	Tunggal	KN	37
6	<i>kinoringan</i>	Tunggal	KN	33
7	<i>lumansar</i>	Tunggal	KK	25
8	<i>bahar</i>	Tunggal	KN	24
9	<i>ragon</i>	Tunggal	KN	19
10	<i>nyai</i>	Tunggal	KN	18

*Data korpus yang dijana daripada perisian AntConc 3.4.3w hanya membekalkan maklumat perkataan, kekerapan dan konkordans sahaja.

**Ruangan bentuk dan golongan kata adalah hasil daripada analisis awal yang dijalankan oleh penyelidik.

Setelah meneliti semua entri bahasa sukuan, pengkaji membuat eksperimen awal terlebih dahulu, iaitu melihat jumlah frekuensi setiap entri leksis bahasa sukuan tersebut dalam data korpus melalui barisan konkordans. Pemilihan data kajian adalah berdasarkan kekerapan frekuensi yang tertinggi dan berdasarkan hasil analisis, iaitu hanya entri menunjukkan dapatan leksis bahasa sukuan yang berfrekuensi tertinggi dipilih sebagai data kajian. Daripada data tersebut, leksis *bagaton* mempunyai frekuensi tertinggi dari segi kekerapan penggunaannya, iaitu sebanyak 130 kali digunakan. Sehubungan itu, dalam kertas kerja ini, leksis *bagaton* akan dijadikan data kajian. Data korpus diaplikasikan bertujuan untuk melihat konteks penggunaan entri tersebut dalam ayat yang mengandungi leksis bahasa sukuan.

TATACARA PENJANAAN DATA

Atkins dan Rundell (2008), menyatakan kelebihan mengumpulkan maklumat hasil analisis linguistik dalam satu pangkalan data adalah seperti memudahkan penyusunan mengikut jenis maklumat, contohnya definisi ranah diikuti oleh unsur ranah serta pangkalan data yang lengkap akan menunjukkan pola suatu kata yang dikaji dalam korpus rujukan. Sehubungan itu, dalam kajian ini pemilihan data sebagai data kajian dilakukan berdasarkan peringkat-peringkat berikut:

- i. Muat turun entri yang dikaji dalam perisian program *AntConc 3.4.3w*.
- ii. Muat turun barisan konkordans untuk melihat frekuensi bagi setiap leksis bahasa sukuan dalam korpus.
- iii. Frekuensi tertinggi dipilih sebagai data kajian.
- iv. Muat turun binaan ayat penuh yang mengandungi leksis bahasa sukuan bagi mengamati konteks.
- v. Mengenal pasti ranah dan elemen ranah.
- vi. Mengenal pasti kumpulan dan pola valensi dalam ayat.
- vii. Mengenal pasti makna ranah, elemen ranah dan ayat contoh.

DAPATAN KAJIAN

MAKLUMAT KONSEPTUAL LEKSIS *BAGATON*

Setelah meneliti leksis *bagaton* dalam korpus, pengkaji mendapati konsep *bagaton* memiliki makna teras, iaitu merujuk kepada nama sesuatu benda atau tempat persemadian. Data korpus juga menunjukkan bahawa gelagat semantik leksis *bagaton* telah berperanan dalam tiga ranah, iaitu BEKAS PENYIMPANAN, KHAS dan KEPERCAYAAN. Dalam pendekatan teori semantik ranah, makna tersebut diperoleh berdasarkan kepada maklumat konseptual yang sedia ada berkaitan dengan latar yang terlibat (Fillmore & Petruck, 2003). Berdasarkan pada data korpus terdapat sebanyak 130 leksis *bagaton* yang telah hadir dalam seberkas ayat konkordans. Sehubungan itu, sebanyak 130 leksis *bagaton* telah dijadikan sebagai bahan analisis untuk mengenal pasti maklumat konseptual yang terlibat. Menurut Intan Safinaz (2013), suatu ranah makna, elemen-elemen ranah yang terbentuk, maklumat kumpulan dan pola valensi serta ayat yang mengandungi nodus kata dapat dikesan melalui analisis ke atas data konkordans. Oleh yang demikian, maklumat konseptual dalam leksis *bagaton* ditunjukkan seperti jadual yang berikut:

JADUAL 3. Maklumat Konseptual *bagaton*

Lema	Ranah	Elemen Ranah	Elemen Ranah
<i>BAGATON</i>	PERSEMADIAN	BEKAS PENYIMPANAN	ENTITI + AKSI + LOKASI
		KHAS	AGEN + OBJEK + MILIK
		KEPERCAYAAN	MUSABAB + PERKARA GHAIB

ANALISIS LEMA *BAGATON*

Berdasarkan data korpus yang dianalisis, kajian ini dapat mengenal pasti bahawa lema *bagaton* mempunyai makna teras, iaitu ranah PERSEMADIAN. Makna teras, yang mendukung tiga makna semantik diserlahkan menerusi elemen ranah, iaitu BEKAS PENYIMPANAN, KHAS, dan KEPERCAYAAN. Setiap elemen ranah itu pula mempunyai elemen ranah yang lain. Hal ini dapat dilihat menerusi elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN memiliki elemen ranah ENTITI, elemen ranah AKSI dan elemen ranah LOKASI. Elemen ranah KHAS pula mengandungi elemen ranah AGEN, elemen ranah OBJEK dan elemen ranah MILIK. Sementara itu, elemen ranah KEPERCAYAAN pula mengandungi elemen ranah MUSABAB dan elemen ranah PERKARA GHAIB.

ANALISIS RANAH “PERSEMADIAN”

Berdasarkan data yang dikaji, penyelidikan ini mendapati bahawa leksis *bagaton* membawa makna PERSEMADIAN yang mengandungi tiga makna kembangan iaitu BEKAS PENYIMPANAN, KHAS, dan KEPERCAYAAN. Makna ranah pertama, iaitu bermaksud BEKAS PENYIMPANAN mengandungi elemen ranah ENTITI, elemen ranah AKSI dan elemen ranah LOKASI. Hal ini bermaksud, realisasi leksis dalam data korpus seperti rangkaian leksis *ke dalam mulut, di dalam, dan dengan* untuk menggambarkan tempat atau arah meletakkan sesuatu benda telah menerbitkan elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN. Kemudian, elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN ini sebenarnya merujuk kepada tempat penyimpanan mayat yang direalisasikan oleh leksis *bagaton*. Seterusnya, realisasi leksis-leksis seperti *untuknya, bagatonmu dan bagatonmu* menyerlahkan lagi elemen ranah KHAS, iaitu hak kepunyaan atau sesuatu yang telah diperuntukkan khusus untuk individu tertentu. Seterusnya, elemen ranah KEPERCAYAAN pula terserlah melalui pemakaian jalinan leksis *bagaton akan memanggilnya, jasad Puntti akan terseksa, semangatnya terbang, rohnyanya mesti ada dan jasadnya akan kaku kedinginan*.

ANALISIS MAKNA ELEMEN RANAH “BEKAS PENYIMPANAN” (ENTITI + AKSI + LOKASI)

Ranah BEKAS PENYIMPANAN ini dapat dibahagikan kepada tiga elemen ranah, iaitu elemen ranah ENTITI, elemen ranah AKSI dan elemen ranah LOKASI. Ranah BEKAS PENYIMPANAN bermaksud LOKASI sesuatu ENTITI itu apabila telah melalui proses AKSI. Paparan maklumat ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

JADUAL 4. Maklumat Analisis Linguistik Elemen Ranah “BEKAS PENYIMPANAN”

Lema	<i>Bagaton</i>				
Unit Leksis	<i>Bagaton</i>				
Kelas Kata	Kata Nama				
Ranah PERSEMADIAN	Terserlah	menerusi	elemen	ranah	BEKAS PENYIMPANAN

Elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN	LOKASI iaitu tempat sesuatu ENTITI, iaitu jasad/mayat apabila telah melalui proses AKSI
Elemen Ranah Struktur Nahu	BEKAS PENYIMPANAN (ENTITI, AKSI dan LOKASI) FN + FK “ENTITI” + “AKSI” + “LOKASI”
Contoh ayat	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Kemunculan tubuh bayi yang kecil itu dimasukkannya ke dalam mulut bagaton yang besar itu.</i> 2. <i>Dia cuba bangun, niatnya mahu melihat Punt di dalam bagaton itu.</i> 3. <i>Jamjin tidak akan mengubur mayatnya dengan bagaton.</i>

Berdasarkan jadual di atas, makna ranah adalah bermaksud BEKAS PENYIMPANAN, terdiri daripada elemen ranah ENTITI yang telah melalui proses AKSI, iaitu perbuatan memasukkan sesuatu ke dalam elemen ranah LOKASI, iaitu tempat jasad yang telah meninggal dunia disemadikan. Tiga elemen yang terdapat dalam ranah ini ialah elemen ranah LOKASI, iaitu tempat jasad yang dirujuki sebagai leksis *bagaton*, elemen ranah AKSI, iaitu menjelaskan tentang perbuatan yang dilakukan seperti disimpan dan disemadikan ke atas ENTITI yang direalisasikan oleh leksis seperti *dimasukkannya*, *melihat* dan *mengubur* dan ranah ENTITI yang direalisasikan oleh rangkaian leksis *tubuh bayi yang kecil*, *Punti* dan *mayatnya* menerangkan jasad yang dimasukkan ke dalam bekas tersebut.

Bersandarkan kepada konteks *bagaton* dalam data yang dikaji, leksis *bagaton* telah berfungsi sebagai pelengkap atau menyempurnakan maksud tempat, iaitu letak atau kedudukan sesuatu apabila digandingkan dengan leksis-leksis *ke dalam*, *di dalam* dan *dengan* sehingga menerbitkan makna LOKASI. Dalam pada itu, perwujudan leksis-leksis seperti *dimasukkannya*, *mahu melihat* dan *mengubur mayatnya* telah berjaya memanifestasi elemen ranah AKSI, iaitu merujuk kepada tingkah laku atau tindakan melakukan sesuatu. Seterusnya, elemen ranah ENTITI yang bermaksud sesuatu yang mempunyai kewujudannya sendiri terserlah menerusi pemakaian leksis-leksis seperti *tubuh bayi yang kecil*, *Punti* dan *mayatnya*. Gabungan antara ketiga-tiga elemen ranah tersebut melalui jaringan semantik leksis yang begitu kompleks, iaitu elemen ranah ENTITI, elemen ranah AKSI dan elemen ranah LOKASI berjaya menyuguhkan maksud elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN yang bermakna tempat menyimpan sesuatu (dalam konteks data kajian, sesuatu itu ialah mayat).

ANALISIS MAKNA ELEMEN RANAH “KHAS” (AGEN + OBJEK + MILIK)

Elemen ranah KHAS ini dapat dibahagikan kepada tiga elemen ranah, iaitu elemen ranah AGEN, elemen ranah OBJEK dan elemen ranah MILIK. Elemen ranah KHAS bermaksud sesuatu AGEN telah menjadikan atau menyediakan sesuatu OBJEK yang merupakan MILIK seseorang atau dikhususkan khas untuknya. Paparan maklumat ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

JADUAL 5. Maklumat Analisis Linguistik Elemen Ranah KHAS

Lema	Bagaton
Unit Leksis	<i>Bagaton</i>
Kelas Kata	Kata Nama
Ranah PERSEMADIAN	Terserlah menerusi elemen ranah KHAS
Elemen ranah KHAS	AGEN menjadikan atau menyediakan sesuatu OBJEK, iaitu benda yang merupakan MILIK seseorang, iaitu benda yang telah dikhaskan untuknya
Elemen Ranah	KHAS (AGEN, OBJEK dan MILIK)
Struktur Nahu	FN + Transitif “ AGEN + OBJEK + MILIK”
Contoh ayat	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>..ayahnya benar-benar bertanggungjawab menyediakan bagaton untuknya</i> 2. <i>..... Kau sudah di dalam bagatonmu</i> 3. <i>Saya akan buka tutup bagatonnya.</i> 4. <i>Dia mengaku bagaton itu bagatonnya.</i>

Berdasarkan jadual di atas, makna elemen ranah KHAS bermaksud hak kepunyaan, iaitu AGEN menjadikan atau menyediakan sesuatu OBJEK yang merupakan MILIK, yang telah dikhaskan untuk seseorang. Tiga elemen yang terdapat dalam ranah ini ialah elemen ranah AGEN yang bermaksud pelaku atau sesuatu yang menyebabkan berlakunya tindak balas, elemen ranah OBJEK yang merujuk kepada benda, barang atau sesuatu yang dapat disentuh, dan elemen ranah MILIK yang bererti kepunyaan atau hak yang dikhususkan kepada individu atau suatu institusi.

Berdasarkan data kajian, leksis *bagaton* dilihat telah berperanan sebagai penggerak kepada maksud pemilikan hak ke atas sesuatu, iaitu dirujuk sebagai suatu benda yang telah dikhususkan untuk menjadi milik seseorang. Hal ini jelas dibuktikan melalui beberapa contoh kehadiran leksis *bagaton* yang dirujuk sebagai suatu OBJEK dan digandingkan bersama-sama leksis seperti *untuknya*, *mu* dan *nya* yang menerangkan tentang hak kepunyaan yang dikhaskan kepada seseorang sehingga menyerlahkan makna elemen ranah MILIK. Sementara itu, realisasi leksis-leksis seperti *ayahnya*, *kau*, *saya* dan *dia* yang merujuk kepada pelaku yang bertindak dan menggerakkan sesuatu telah menerbitkan elemen ranah AGEN. Seterusnya, gabungan antara elemen ranah AGEN sebagai penggerak dengan elemen ranah OBJEK sebagai suatu bahan yang dikhususkan untuk seseorang serta elemen ranah MILIK yang menunjukkan hak kepunyaan telah menyerlahkan lagi elemen ranah KHAS. Menerusi hujah semantik ini, hubungan antara leksis dengan leksis dan ranah dengan ranah dapat dibuktikan sehinggalah ranah PERSEMADIAN dapat ditonjolkan.

ANALISIS MAKNA ELEMEN RANAH “KEPERCAYAAN” (MUSABAB + PERKARA GHAIB)

Seterusnya, jadual di bawah pula menunjukkan ranah PERSEMADIAN yang mengandungi elemen ranah KEPERCAYAAN. Elemen ranah KEPERCAYAAN mengandungi elemen ranah MUSABAB dan elemen ranah PERKARA GHAIB. Berpandukan kepada konteks leksis

bagaton dalam data yang dianalisis, dapat dibuktikan bahawa *bagaton* dirujuk sebagai sesuatu yang seolah-olah memiliki kuasa yang boleh memberi kesan kepada individu, keluarga, masyarakat mahupun tempat. Menerusi pendekatan semantik ranah, data korpus membuktikan bahawa elemen ranah KEPERCAYAAN dibentuk oleh elemen ranah MUSABAB dan elemen ranah PERKARA GHAIB. Penjelasan lanjut data ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 6. Maklumat Analisis Linguistik Elemen Ranah KEPERCAYAAN

Lema	<i>Bagaton</i>
Unit Leksis	<i>Bagaton</i>
Kelas Kata	Kata Nama
Ranah PERSEMADIAN	Terserlah menerusi elemen ranah KEPERCAYAAN
Elemen ranah KEPERCAYAAN	PERKARA GHAIB yang muncul MUSABAB daripada sesuatu perkara jika tidak dipatuhi
Elemen ranah Struktur Nahu	MUSABAB, PERKARA GHAIB FN + Transitif FN + KK + Keterangan
Contoh ayat	<ol style="list-style-type: none"> 1. ... <i>Tidak ada bagaton pada mereka. Jasad Puntii akan terseksa.</i> 2. <i>Perlakuan kasar ke atas pemindahan bagaton itu boleh menyebabkan semangatnya terbang.</i> 3. <i>..Tapi bagaton, bagatonnya di sini, dan rohnya mesti ada.</i> 4. ... <i>tidak ada bagaton Jasadnya akan kaku kedinginan.</i>

Berdasarkan jadual di atas, makna ranah adalah bermaksud PERKARA GHAIB yang berlaku disebabkan oleh MUSABAB, iaitu sesuatu benda tersebut akan memberi kesan yang ghaib apabila diperlakukan sesuatu. Dua elemen yang terdapat dalam ranah ini ialah elemen ranah PERKARA GHAIB, iaitu benda atau perkara yang ajaib dan pelik dan elemen ranah MUSABAB yang menerangkan punca berlakunya suatu perkara atau peristiwa tersebut.

Berdasarkan data kajian, leksis *bagaton* dilihat telah menjadi nadi pencetus untuk menghadirkan leksis-leksis yang lain apabila kewujudannya seolah-olah menjadi penyebab akan berlakunya sesuatu. Perwujudan leksis-leksis seperti *tidak ada bagaton, perlakuan kasar ke atas pemindahan bagaton, bagatonnya di sini* dan *tidak ada bagaton* yang memanifestasikan makna penyebab berlakunya sesuatu perkara telah menyerlahkan elemen ranah MUSABAB. Seterusnya, elemen ranah PERKARA GHAIB yang merujuk kepada perkara atau peristiwa aneh atau ajaib yang berlaku akibat daripada sesuatu perbuatan sama ada dilakukan ataupun tidak dipatuhi telah direalisasikan oleh rangkaian leksis seperti *jasad Puntii akan terseksa, semangatnya terbang, rohnya mesti ada* dan *jasadnya kaku kedinginan*. Perkaitan antara leksis dengan leksis dan antara elemen ranah dengan elemen ranah, iaitu elemen ranah MUSABAB dan elemen ranah PERKARA GHAIB telah menerbitkan elemen ranah KEPERCAYAAN. Selanjutnya, elemen ranah KEPERCAYAAN yang bermaksud keyakinan atau akuan akan bernanya sesuatu perkara itu telah menyerlahkan lagi ranah PERSEMADIAN.

PERBINCANGAN

Berpandukan data kajian, didapati bahawa lexis *bagaton* membawa makna persemadian yang dimanifestasikan menerusi tiga bentuk, iaitu dirujuk sebagai tempat penyimpanan, dikhaskan secara mutlak dan menonjolkan kepercayaan. Analisis mendapati bahawa pemanifestasian ini menunjukkan bahawa masyarakat peribumi Kadazan-Dusun mengkonsepsikan *bagaton* sebagai tempat penyimpanan mayat, iaitu berupa tajau atau tempayan. *Bagaton* merupakan sejenis tajau, iaitu tempayan besar yang sinonim dengan masyarakat Kadazan-Dusun di Sabah. Dalam masyarakat Kadazan-Dusun, tajau merupakan satu barangan yang berharga, digunakan untuk menyimpan makanan, minuman seperti tapai, *lihing*, tuak dan sebagainya. Tajau mempunyai pelbagai saiz sesuai dengan keperluan dan kepentingannya. Biasanya tajau juga dijadikan salah satu barang hantaran semasa majlis perkahwinan.

Kepentingan tajau dalam masyarakat Kadazan-Dusun bermula dari sejak kelahiran sehingga seorang itu meninggal dunia. *Bagaton* yang merupakan salah satu jenis daripada tajau, mempunyai saiz yang lebih besar daripada tajau-tajau yang lain. *Bagaton* lebih diperlukan semasa berlakunya sesuatu kematian. Dalam masyarakat Kadazan-Dusun tradisi, penyediaan tajau ini merupakan suatu keperluan untuk setiap orang. Justeru, setiap orang telah dikhususkan sebuah tajau untuknya sebagai persediaan kematiannya. Pada zaman dahulu, masyarakat peribumi yang masih berpegang teguh pada kepercayaan dan amalan ritual menganggap bahawa penyediaan *bagaton* untuk si mati adalah suatu kewajipan yang perlu dipenuhi dan mengikut tertib. Di sini dapat dilihat bahawa masyarakat Kadazan-Dusun memandang bahawa *bagaton* bukan sekadar “tajau tempat penyimpanan mayat” semata-mata, tetapi lebih daripada itu, ia telah menonjolkan adat budaya dan pemikiran masyarakat Kadazan-Dusun.

Ismail Ibrahim (2013) menyatakan bahawa kebiasaannya acara ritual dilaksanakan sepanjang jenazah masih bersama sehinggalah upacara pengebumian. Ritual dijalankan bertujuan untuk menghormati dan menghindari roh jahat yang berkemungkinan mengganggu perjalanan roh jenazah. Roh si mati dipercayai ditempatkan di satu tempat khusus yang dihuni oleh roh-roh yang dikenali sebagai *Nabalu*. Zaini (1969) menjelaskan bahawa orang Kadazan-Dusun yang belum beragama percaya bahawa apabila mati, roh mereka akan berehat di kemuncak Gunung Kinabalu. Aktiviti ritual merupakan suatu simbolik yang memperlihatkan kepercayaan dan amalan kelompok masyarakat tersebut.

Terdapat juga masyarakat Kadazan-Dusun di Sabah yang masih mengamalkan kepercayaan tradisional atau animisme, yang percaya kepada kewujudan makhluk ghaib dan semangat (Petronella Apin & Kartini Abd. Wahab, 2015). Pada zaman dahulu, khususnya dalam masyarakat Kadazan-Dusun yang tidak mempunyai agama, amalan pengebumian anggota masyarakat adalah dengan menggunakan *bagaton*. *Bagaton* yang merupakan tempayan dijadikan tempat persemadian anggota masyarakat yang telah meninggal dunia. Menurut Zaini Mohd. Isa (1969), kebiasaannya penyediaan tempat persemadian ini menggambarkan status seseorang dalam masyarakat, jika orang berada maka *bagaton* yang disediakan pun lebih besar, kemas dan bermutu. Terdapat juga amalan, selepas jenazah dimasukkan ke dalam *bagaton*, mayat akan dibiarkan dalam *bagaton* dan diletakkan di pondok khas untuk tempoh masa tertentu bagi membolehkan ahli keluarga yang jauh tiba sebagai penghormatan ke atas si mati. Menjadi satu kewajipan pada ahli keluarga, khususnya bapa untuk menyediakan *bagaton* khas untuk anaknya. Ahli keluarga si mati bertanggungjawab menyediakan tempat persemadian untuk si

mati. Masyarakat Kadazan-Dusun pada zaman dahulu mempercayai bahawa *bagaton* yang dijadikan tempat jasad disembayamkan dapat memberi keselesaan kepada roh si mati. Mereka memanggil tuhan mereka sebagai *kinoringan*. Mereka percaya tuhan *Kinoringan* di pergunungan Kinabalu akan merahmati si mati. Low Kok On (2005) menyatakan bahawa gunung Kinabalu berperanan sebagai tempat pengumpulan roh sebelum ditempatkan ke dunia yang lain.

Berdasarkan kepada konsep makna leksis *bagaton* dalam masyarakat Kadazan-Dusun maka dapat dirumuskan bahawa kewujudan leksis tersebut dalam korpus yang dikaji sebenarnya memmanifestasikan pemikiran yang terdapat dalam masyarakat Kadazan-Dusun. *Bagaton* bukan sekadar bekas penyimpanan tetapi melangkaui daripada makna tersebut, *bagaton* dianggap manifestasi kedudukan seseorang dalam masyarakat menerusi jenis, saiz dan keelokan sesebuah *bagaton*. Pemaknaan sesuatu konsep atau istilah yang melepasi makna lateral sesuatu konsep tersebut menunjukkan tahap ketajaman buah fikir penuturnya (Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib, 2015) Di samping itu, *bagaton* juga menggambarkan nilai kasih sayang yang cuba diterjemahkan oleh ahli keluarga kepada generasi mereka kerana sejak kelahiran seseorang ke muka bumi, seharusnya ibubapa bertanggungjawab untuk menyediakan sebuah *bagaton* untuknya sehinggalah kematiannya. Sementara itu, proses penyediaan *bagaton* dan penjagaannya penuh dengan adat ritual yang mempunyai prosedur dan pantang larang tertentu. Nilai kebertanggungjawaban dan kasih sayang yang diterjemahkan dalam *bagaton* mencerminkan bahawa ketinggian intelek dalam kalangan masyarakat Kadazan-Dusun.

Sehubungan itu, pengekaln penggunaan leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu lebih tepat untuk mencerminkan falsafah yang hendak dikemukakan. Dalam masa yang sama, kehadiran leksis tersebut dapat direalisasikan dalam bentuk ranah yang menyerlahkan makna tertentu. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa fenomena kewujudan leksis bahasa sukuan *bagaton* dalam korpus bahasa Melayu dapat dibuktikan dengan data-data yang sahih menerusi disiplin linguistik. Hal ini bermakna bahawa gelagat leksis tersebut bukan hadir secara kebetulan sahaja tetapi secara praktikalnya pendekatan sistematik dan empirikal yang digunakan dalam penganalisisan data dapat menjelaskan kelincuhan leksis dengan lebih relevan. Pengekaln leksis bahasa sukuan *bagaton* khusus untuk menerangkan akan sosiobudaya masyarakat peribumi lebih menyerlahkan lagi identiti etnik tersebut. Saidatul Nornis (2006) menyatakan bahawa kosa kata dalam suatu bangsa itu dapat menonjolkan identiti sebenar penuturnya. Akhirnya, kajian ini diharap dapat memantapkan lagi perkembangan dalam bahasa sukuan dan bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Menerusi kajian ini, *bagaton* dapat dilihat sebagai suatu simbol manifestasi masyarakat Kadazan-Dusun. Menerusi *bagaton*, pemikiran masyarakat peribumi Kadazan-Dusun yang berpegang teguh dengan adat tradisi telah menyerlahkan nilai kasih sayang, kebertanggungjawaban, kepercayaan, status kedudukan, seni pembuatan, dan sebagainya. Hal ini dapat menggambarkan tahap keintelektualan masyarakat peribumi Kadazan-Dusun. Di samping itu, penyelidikan ini telah berjaya membuktikan bahawa pengekaln penggunaan leksis bahasa sukuan *bagaton* dalam korpus bahasa Melayu sebenarnya dikawal oleh satu sistem linguistik dan bukan secara wewenang. Pemaparan data-data dan justifikasi setiap data,

khususnya latar sosiobudaya yang memotivasikan kewujudan leksis tersebut mencerminkan pemikiran masyarakat peribumi Sabah, khususnya etnik Kadazan-Dusun. Hal ini membuktikan bahawa, ilmu linguistik khususnya semantik ranah berupaya mendeskripsikan pemikiran lokal peribumi Sabah menerusi realisasi leksis.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 2006. *Kebudayaan Kebangsaan: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Gapeniaga.
- Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi. *Kemanusiaan* 16, 59-81.
- Aini Karim. 2005. Teori Medan Makna Pendeskripsian Leksis Kata Kerja dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, Jilid 5 Bil. 3, 78-104.
- Asmah Omar. 1994. *Bahasa dan Pemikiran Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkins, B.T.S., & Rundell, M. 2008. *The Oxford Guide to Practical Lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Fillmore, C.J., & Petruck, M.R.L. 2003. FrameNet Glossary. *International Journal of Lexicography* 16 (3), 235-360.
- Fishman Joshua. A. 1985. *The Rise and Fall of the Ethnic Revival: Perspectives on Language and Ethnicity*. Berlin: Mouton.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. 2015. Akal Budi Melayu dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu*, Bil. 14 (2), 260-273.
- Hishamudin Isam & Masheto Abd. Mutalib. 2015. Memahami Pemikiran Melayu melalui Pembingkai Makna Leksis *Darah* dalam Peribahasa. *Jurnal Melayu*, Bil. 14 (2), 190-201.
- Intan Safinaz Zainudin. 2013. Malay FrameNet: An Application for Bilingual Dictionary. *Pertanika J. Soc. Sci. & Humanities*, 21 (S), 39-48.
- Ismail Ibrahim. 2013. *Adat dan Tradisi Alam Amalan Ritual Kematian Kaum Murut dalam Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Lakoff, G. 1986. The Meanings of Literal. *Journal of Metaphor and Symbolic Activity*, 1 (4), 291-296.
- Low Kok On. 2005. *Membaca Mitos dan Lagenda KadazanDusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McEnery, T. & Wilson, A. 2001. *Corpus Linguistics: An Introduction*. 2nd Edition Edinburgh: Edinburgh University Press.
- McEnery, T., Xiao, R. & Ton, Y. 2006. *Corpus-Based Language Studies: An Advanced Resource Book*. London: Routledge Applied Linguistics.
- Mohd. Taib Osman. 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordby, H. 2008. Values, Cultural Identity and Communication: A Perspective from Philosophy of Language. *Journal of Intercultural Communication*, 6(17), 14-34.
- Petronella Apin & Kartini Abd. Wahab. 2015. Tabu bahasa dalam Masyarakat Dusun di Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, Bil.14 (2), 224-239.

Jurnal Melayu
Bil. 17 (1) 2018

- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2006. *Isun-Isun sebagai Penggambaran Interaksi Sosial dan Budaya Bajau*: Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2007. *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sapir, E. 1921. *Language: An Introduction to the Study of Speech*. London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Sinclair, J. 1991. *Corpus, Concordance and Collocation*. Oxford. Oxford University Press.
- Siti Khariah Mohd Zubir. 2007. *Peranan Bahasa dan Sastra: Umpama Irama dan Lagu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Slobin, D.I. 1996. From “Thought and Language” to “Thinking for Speaking”. Dlm J.J Gumperez & S. Levinson (Peny.) *Rethinking Linguistic Reality*. Cambridge: University Press, hlm. 70-96.
- Whorf, B. L. 1956. The Relation of Habitual Thought and Behavior to Language. Dlm. J.B. Carroll (Peny.), *Language, Thought and Reality: Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. Cambridge, Massachusetts: MIT Press, hlm. 134-159.
- Zaini Mohd. Isa. 1969. *Kebudayaan dan Adat Resam: Kadazan dan Murut*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Biodata Penulis:

Effendy Yusuff

Penulis merupakan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Sabah. Bidang pengkhususan beliau ialah pedagogi Bahasa Melayu, semantik, morfologi dan sintaksis.

Anida Sarudin

Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bidang pengkhususan beliau ialah semantik, korpus, leksikografi dan sintaksis.

Norliza Jamaluddin

Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bidang pengkhususan beliau ialah semantik, korpus, leksikografi dan sintaksis.